

KEBIMBANGAN TERHADAP PENCAPAIAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR

Anxiety towards Arabic Language Achievement among Students

Nur A'in Mustafar¹, Abdul Rashid Abdul Aziz², Roslee Ahmad³

^{1,2,3}Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia

E-mail (rashid@usim.edu.my)

Abstrak

Pencapaian akademik yang baik melambangkan kecemerlangan bagi setiap pelajar. Namun, dalam mencapai kecemerlangan tersebut, antara aspek penting yang harus dihadapi oleh pelajar adalah kebolehan mengawal kebimbangan menghadapi ujian. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengkaji perbezaan tahap kebimbangan menghadapi ujian dengan pencapaian Bahasa Arab dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan, tahun tiga jurusan kaunseling, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan analisis deskriptif dan inferensi seperti T-test melalui perisian *Statistical Package of Social Science* (SPSS) versi 26. Seramai 80 orang pelajar dalam lingkungan umur 18 - 26 tahun ke atas telah dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Soal selidik yang dikendalikan sendiri untuk kegunaan pengumpulan data yang merangkumi alat ukur *Test Anxiety Inventory* (TAI) dan skor pencapaian bahasa Arab dalam peperiksaan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara lelaki ($M = 2.19$, $SD = 0.44$) dan perempuan ($M=2.44$, $SD= 0.51$); $t(78) = 1.5$, $p = 0.138$ dalam kebimbangan menghadapi ujian dan pencapaian bahasa Arab dalam kalangan pelajar kaunseling tahun 3 yang dikaji. Konklusinya, kajian ini dapat memberi kesedaran dan menggalakkan pelajar membuat persediaan lebih awal sekali gus dapat mengurangkan kebimbangan menghadapi ujian. Sebaiknya pencapaian bahasa Arab ditingkatkan dengan bimbingan melalui program bimbingan dan kaunseling akademik yang harus diaktifkan di setiap fakulti terutama sebelum peperiksaan.

Kata kunci: *Kebimbangan, Kesihatan Mental dan Pencapaian Akademik*

PENGENALAN

Prestasi akademik yang tinggi menjadi penanda aras kepada pelajar untuk menjadi lebih terkehadapan dan cemerlang. Hal ini juga menjadi tuntutan bagi kedua ibu bapa. Namun begitu, dalam memenuhi kehendak ibu bapa, para pelajar dihambat dengan rasa bimbang. Malah, salah satu aspek kesihatan mental yang sering dikaitkan dengan golongan pelajar ini ialah rasa 'cemas' rentetan daripada rasa terpaksa untuk memenuhi tuntutan masyarakat mahupun keluarga. Jumlah ini mencatat bilangan sebanyak 284 juta yang meliputi 2.8 peratus golongan lelaki dan 4.7 peratus golongan perempuan (Ritchie dan Roser, 2018). Pelajar juga termasuk dalam populasi ini. Secara keseluruhannya, pelajar akan mengalami kebimbangan dalam menghadapi peperiksaan ataupun ujian (*test*). Pengkaji ingin mengkaji hubungan kebimbangan ujian terhadap pencapaian bahasa Arab. Pengajian dan penguasaan bahasa Arab merupakan cabaran besar terutamanya kepada penutur bahasa ibunda iaitu bahasa Melayu. Seseorang perlu menghabiskan ribuan jam untuk menguasai bahasa asing sehingga cekap menggunakannya seperti bahasa ibunda (Omaggio Hadley, 2001).

Prestasi akademik merupakan elemen penting yang menentukan peluang dan masa hadapan individu (Steinmyr et al., 2014). Hasil kajian juga mendapati sebanyak 25 peratus hingga 40 peratus pelajar mengalami kebimbangan menghadapi ujian yang dikenali sebagai ‘*test anxiety*’ (Cassady, 2010). Menurut Olaitan. et al., (2014) kebimbangan menghadapi ujian secara signifikan mengganggu prestasi akademik pelajar. Malah kegagalan dalam prestasi akademik seseorang juga menjadi isu utama dalam sesebuah keluarga (Khesht-Masjedi, 2019). Terdapat banyak kajian lepas yang memfokuskan kepada elemen prestasi akademik dan faktor yang mempengaruhinya seperti usaha, kehadiran ke kelas, motivasi, kebimbangan dan sikap (Yusefzadeh et al., 2019). Walaupun terdapat banyak kajian lepas menumpukan kepada pengkajian aspek kebimbangan menghadapi ujian, namun masih belum ada yang melihat dari sudut pencapaian bahasa Arab.

Oleh itu objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti tahap pencapaian Bahasa Arab dalam kalangan pelajar kaunseling tahun 3. Seterusnya, mengkaji perbezaan tahap kebimbangan menghadapi ujian dengan pencapaian Bahasa Arab dalam kalangan jantina pelajar kaunseling tahun 3.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan analisis deskriptif dan korelasi melalui perisian Statistical Package of Social Science (SPSS) versi 26. Kajian kuantitatif ialah satu proses formal, objektif dan sistematik di mana data berangka digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang mana-mana subjek (Burns & Grove, 2005). Populasi kajian ini terdiri daripada 80 orang pelajar USIM dari Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan dalam lingkungan umur 18 - 26 tahun ke atas yang telah dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Responden merupakan pelajar tahun 3 dengan latar belakang kursus kaunseling. Pengkaji bertemu dengan wakil pelajar bagi setiap kumpulan dan menerangkan tujuan kajian. Pengkaji mendapatkan persetujuan termaklum daripada pelajar yang bersetuju untuk mengambil bahagian dalam kajian yang dilakukan. Instrumen yang digunakan pengkaji dalam penyelidikan ini ialah Instrumen Kebimbangan Menghadapi Ujian.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Jadual 11.1: Tahap Pencapaian Bahasa Arab

Kekerapan	Peratus	Peratus Sah	Peratus Kumulatif
Rendah	4	5.0	100.0
Ringan	33	41.3	85.0
Sederhana	28	35.0	53.8
Tinggi	15	18.8	18.8
Jumlah	80	100.0	

Jadual 1.0 menunjukkan frekuensi dan peratus pencapaian Bahasa Arab mengikut tahap. Terdapat 4 tahap iaitu rendah, ringan, sederhana, dan tinggi. Terdapat 4 pelajar yang mendapat pencapaian rendah iaitu 5% manakala 33 pelajar yang mendapat pencapaian ringan iaitu 41.3%. Terdapat 28 pelajar yang mendapat pencapaian sederhana, iaitu 35%, dan 15 pelajar terakhir yang mendapat pencapaian tinggi dengan peratus sebanyak 18.8%.

Jadual 11.2: Ujian-t sampel bebas

		Sig.	t	Sig. (2-tailed)
Kebimbangan menghadapi ujian	Equal variances assumed	.585	-1.501	.138
	Equal variances not assumed		-1.690	.115

Jadual 11.3: Kumpulan Statistik

	Jantina	N	Mean	Sisihan Piawai
Kebimbangan menghadapi ujian	Lelaki	10	2.19	.44
	Perempuan	70	2.44	.51

Hasil kajian menunjukkan tiada perbezaan signifikan dalam skor kebimbangan menghadapi ujian di antara lelaki ($M=2.19$, $SD = 0.44$) dan perempuan ($M=2.44$, $SD= 0.51$); $t(78) = 1.5$, $p = 0.138$. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kebimbangan menghadapi ujian mempengaruhi kedua-dua jantina. Secara khusus, hasil kajian menunjukkan bahawa kedua-dua jantina mengalami pengalaman yang sama dalam kebimbangan menghadapi ujian. Pelajar merasakan kebimbangan yang sama setiap kali mereka menjalani ujian. Dalam kajian sebelum ini, dilaporkan bahawa perempuan mengalami tahap kebimbangan menghadapi ujian yang lebih tinggi daripada lelaki, selaras dengan kesan jantina terhadap kebimbangan menghadapi ujian (Mousavi & Haghshenas & Alishahi, 2008; Lashkaripour, 2006; Mehregan & Najjarian & Ahmadi, 2001). Namun, perbezaan ini tidak dapat disahkan oleh beberapa kajian (Mwamwenda, 1993). Menurut Mousavi & Haghshenas & Alishahi, (2008) secara umumnya, tahap kebimbangan menghadapi ujian meningkat kerana perempuan pada dasarnya takut gagal, dan mereka melihat setiap situasi ujian sebagai peluang lain untuk gagal. Penjelasan lain yang mungkin ialah "lelaki lebih bersifat defensif dalam mengakui kebimbangan kerana ia boleh dilihat sebagai mengancam maskuliniti mereka. Bahkan, mereka dilatih untuk mengatasi kebimbangan dengan menafikannya atau mencari cara untuk mengatasinya."

KESIMPULAN

Hasil daripada analisis ini, kajian menunjukkan bahawa kebimbangan menghadapi ujian mempengaruhi tahap pencapaian Bahasa Arab. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar lelaki dan perempuan mempunyai tahap kebimbangan menghadapi ujian yang sama. Hasil kajian menunjukkan bahawa kedua-dua jantina mengalami pengalaman yang sama dalam kebimbangan menghadapi ujian. Kajian ini dapat membantu pelajar untuk lebih memahami tentang bagaimana kebimbangan menghadapi ujian akan mempengaruhi tahap pencapaian Bahasa Arab. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu kaunselor, guru, profesional dan pihak-pihak berkaitan untuk mengenal pasti punca kelemahan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini diharapkan dapat dilakukan dengan lebih meluas. Keterbatasan responden yang hanya disertai oleh pelajar dari kursus dan fakulti yang sama memungkinkan keputusan yang diperolehi tidak dapat mewakili pelajar yang lain. Dapatan yang tepat dapat memberi kesedaran dan menggalakkan pelajar membuat persediaan lebih awal sekaligus dapat mengurangkan kebimbangan menghadapi ujian.